

# Usaha bawa keluar aktivis negara menerusi Turkiye

## Erdogan setuju bantu, dijangka ambil masa satu atau dua hari

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia sedang melaksana usaha secara maksimum untuk segera membawa keluar semua aktivis negara ini yang menyertai misi Sumud Flo-tilla Global (GSF) dan ditahan tentera Israel keluar menerusi Turkiye.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata usaha itu dijangka mengambil masa satu atau dua hari ini.

Katanya, beliau menyampaikan permintaan itu kepada Presiden Turkiye, Recep Tayyib Erdogan dan pemimpin itu juga bersejaja membantu.

"Saya sudah meminta jasa baik Presiden Erdogan supaya jika boleh, membawa mereka (keluar) dari mana-mana lokasi sekitar Israel ke Istanbul dengan pesawat khas Turkiye yang akan mengambil rakyatnya sendiri.

"Dari Istanbul, insya-Allah kita akan bawa pulang rakyat kita.

Beberapa persefahaman awal sudah dicapai sejak pagi tadi (semalam). Itu (usaha bawa keluar dijangka) dalam satu dua hari ini.

"Daripada pagi tadi (semalam) nampak beberapa persefahaman sudah dicapai," katanya ditemui media selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Khadijah di Pantai Dalam di sini, semalam.

Anwar menjelaskan, usaha membawa keluar itu turut memabatkan peranan Majlis Keselamatan Turkiye yang diketuai Dr Ibrahim Kalin.

"Beliau (Erdogan) sudah menugaskan Ketua Keselamatan Negara Turkiye, Dr Ibrahim Kalin untuk membantu kita. Ini penting kerana kita memerlukan tekanan antarabangsa yang menyeluruh.

"Sepanjang semalam (kelmarin), Dr Ibrahim sudah memaklumkan bahawa hubungan kita dengan Amerika Syarikat (AS), Qatar dan Turkiye memberi manfaat dalam usaha ini.

"Walaupun kita tiada sebarang hubungan dengan rejim Zionis Israel, saluran diplomasi dengan negara sahabat banyak membantu," katanya.

Dalam pada itu, Anwar ber-



Recep Tayyib Erdogan

kata, 23 aktivis Malaysia yang ditahan rejim Zionis semalam, semuanya berada dalam keadaan selamat biarpun ditahan secara zalim.

"Kita juga berdoa agar Allah SWT melindungi mereka. Kita berharap (Israel) jangan ganggu rakyat kita, jangan dera mereka. Penjara itu sendiri sudah satu penderaan.

"Setakat ini laporan daripada Turkiye menunjukkan keadaan mereka terkawal," katanya.

### Saran henti sekejap misi

Dalam pada itu, Anwar menyarankan aktivis yang merancang memulakan pelayaran bagi misi sampaikan bantuan kemanusiaan ke Gaza supaya menangguhkan seketika hasrat berkenaan.

Perdana Menteri berkata, ia bagi mengelak mereka ditahan oleh rejim Israel, sama seperti dialami oleh aktivis yang menyertai misi GSF ketika ini.

"Tentunya mereka (akan) dihalang juga. Tapi saya fikir untuk keadaan sekarang ini dengan kesan (tahanan) itu, mungkin kita berhenti sekejap (misi pelayaran).

"Guna kebijaksanaan kita runding semula, susun semula terutama perjanjian (damai) yang

cuba dimeterai.

"Ini pun satu hal orang ada menegur kita. Apa yang penting itu selamatkan nyawa orang. Kita kadang-kadang di sini bercajak seolah-olah kita hero yang tak ada batasnya.

"Semua mahu jadi pahlawan. Tapi yang bertempur di sana itu, (sudah) mengorbankan 65,000 nyawa (penduduk Palestin)," katanya.

Anwar menegaskan, tanggungjawab semua pihak ketika ini adalah menyelamatkan rakyat Palestin yang ditindas secara kejam oleh Israel dan menyalurkan bantuan kemanusiaan serta makanan.

"Itu yang penting. Kalau tercapai ia satu babak permulaan yang sangat penting.

"Sebab itu dalam permulaan perjanjian damai yang digagaskan (Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald) Trump itu tidak memenuhi semua harapan kita.

"Tapi semua negara Arab, Islam nampaknya memberi restu bukan maknanya mereka setuju, tetapi sekurang-kurangnya dapat menyelamatkan nyawa, harta benda dan melarang memberi ruang bagi rakyat Gaza, jangan diusir keluar dan yang di luar boleh masuk balik.

"Melarang sama sekali apa-apa kemaraan Israel menakluki Gaza, permulaan ini akan terus pantau dan bersuara," katanya.